



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Office of
Corporate Affairs
UTM Kuala Lumpur

Office of Corporate Affairs
Level 16, Menara Razak
Universiti Teknologi Malaysia
Jalan Semarak
54100 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: +(6)03-21805127 / 5073 Fax: +(6)03-21805602 <http://www.utm.my/corporateaffairs/kl> Email: corporate@ic.utm.my

OUR REF.:

KENYATAAN MEDIA

HEBAHAN SEGERA

INDONESIA-MALAYSIA RESEARCH CONSORTIUM FORUM DI KAMPUS UTM KUALA LUMPUR

Kuala Lumpur, 18 Mei 2016: - Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah menganjurkan Indonesia-Malaysia Research Consortium (I'MRC) Forum pada 18 Mei 2016.

I'M Research Consortium (Indonesia-Malaysia Research Consortium) merupakan platform yang menghubungkan pensyarah dan penyelidik di institusi-institusi pengajian tinggi dan penyelidikan di Indonesia dan Malaysia untuk berinteraksi dan bekerja sama secara lebih sistematik. Dalam usaha mengeratkan lagi hubungan Indonesia-Malaysia, sejajar dengan hasrat kedua-dua buah negara, penubuhan Indonesia-Malaysia Research Consortium (I'M Research Consortium atau I'MRC) adalah penting kerana ianya merupakan salah satu pelan tindakan strategik melalui kerjasama dalam bidang pendidikan dan penyelidikan.

I'M Research Consortium ini dibuka kepada semua institusi pengajian tinggi dan penyelidikan di Indonesia dan Malaysia, dan terbuka kepada semua penyelidik dari institusi pendidikan dan pusat penyelidikan di Indonesia dan Malaysia. Penyertaan dalam IMRC ini meliputi mahasiswa PhD, penyelidik dan pensyarah.

Rancangan penubuhan I'MRC bermula ketika delegasi UTM mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan Menteri Riset, Teknologi dan Pendidikan Tinggi Indonesia di Senayan, Jakarta pada 22 Disember 2014 yang lalu. Dalam perbincangan dua hala itu, delegasi UTM mengusulkan satu projek institusi berimpak tinggi yang dinamakan Indonesia-Malaysia Research Consortium sebagai hubungan erat dalam pelbagai bidang penyelidikan dan pendidikan yang bakal melibatkan industri Malaysia dan Indonesia.



INTELLECTUAL
PROPERTY AWARD 2010
Organisation Category
2008, 2009 & 2010



MERDEKA AWARD 2009
Outstanding Scholastic Achievement and
Health, Science & Technology



Reader's Digest
TRUSTED BRAND 2010
University Category

Selepas lawatan delegasi UTM ke Jakarta, pada 10 Julai 2015 satu mesyuarat dan perbincangan mengenai penubuhan I'M Research Consortium telah diadakan di Badan Pengkajian dan Penerapan Teknologi (BPPT), Jakarta. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh wakil-wakil dari Universiti Teknologi Malaysia, Universitas Indonesia, Institut Teknologi Bandung, Institut Pertanian Bogor, Institut Teknologi Sepuluh Nopember dan Universiti Putra Malaysia. Semua institusi pendidikan tinggi ini merupakan institusi perintis I'M Research Consortium.

Untuk lebih mengukuhkan lagi hubungan dan kerjasama strategic ini, UTM menganjurkan I'M Research Consortium Forum yang diadakan di kampus UTM Kuala Lumpur pada 18 Mei 2016. I'M Research Consortium Forum ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia, Y. Bhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang. Ia telah dihadiri oleh lebih daripada 70 delegasi daripada lebih 30 buah institusi pengajian tinggi di Malaysia dan Indonesia termasuk Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universitas Indonesia, Institut Teknologi Bandung, Institut Pertanian Bogor, Badan pengkajian dan Penerapan Teknologi dan Institut Teknologi Sepuluh Nopember. Mantan Menteri Pendidikan Nasional, Indonesia, Prof. Dr. Ir. Mohammad Nuh dan Duta Besar Indonesia ke Malaysia, TYT Herman Prayitno turut menyertai forum ini.

Selepas I'M RC Forum, satu bengkel penglibatan dalam penyelidikan yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTM, Prof. Dr. Ahmad Fauzi Ismail telah dijalankan. Bengkel ini memperhalusi Isu strategik kerjasama dalam bidang pendidikan dan penyelidikan antara institusi pengajian tinggi Indonesia dan Malaysia.

Maklumat lanjut, sila hubungi:

Prof. Dr. Hadi Nur

Pengerusi I'M Research Consortium,

Pengarah

Centre for Sustainable Nanomaterials

Ibnu Sina for Scientific and Industrial Research

Universiti Teknologi Malaysia (UTM), 81310 Johor Bahru

☎ ☎012-7564647

✉ ☎hadi@ibnusina.utm.my